

**Korea Selatan Pelajari Kepakaran Halal Malaysia  
Bernama  
11 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Korea Selatan sedang berusaha meningkatkan tahap pemahamannya mengenai produk halal, kata Pengarah Urusan Persatuan Halal Korea Kim Jin Woo.

Jin Woo berkata langkah itu bukan sahaja sebagai persiapan untuk menerima atlet beragama Islam pada Sukan Olimpik Musim Sejuk 2018, malah disebabkan negara itu menjadi destinasi percutian popular dalam kalangan pelancong Islam.

"Kami berharap menjelang 2018, 50 peratus daripada rakyat Korea akan mengetahui konsep halal," katanya kepada Bernama.

Jin Woo yang kini dalam rangka lawatan ke Malaysia berkata pada masa ini, kira-kira 130,000 daripada 50 juta penduduk Korea beragama Islam dan angka itu semakin meningkat.

Beliau berkata persatuan itu telah menghantar pasukan ke Malaysia untuk mempelajari mengenai rundingan, latihan dan perkhidmatan halal.

Sementara itu, Pengarah Tindakan Promosi Pelaburan Kerajaan Wilayah Gangwon, An Gwon-Yong, berkata Pulau Nami ialah tempat paling banyak dikunjungi pelancong Islam, terutama dari Malaysia.

"Pada masa ini, terdapat sekurang-kurangnya lapan restoran halal di pulau Nami, dan kami berharap jumlahnya meningkat," katanya.

Beliau berkata pengetahuan mengenai penyediaan makanan halal penting berikutan negara itu mahu pelancong menikmati makanan asli Korea, dan bukan beriani Pakistan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Yayasan Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata yayasan itu akan melakukan yang terbaik untuk membantu delegasi Korea.

"Kami juga akan meminta bantuan Perbadanan Pembangunan Industri Halal dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, memandangkan dua organisasi ini adalah pemimpin utama dalam industri halal Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021195>